

EMBARGOED UNTIL AFTER DELIVERY. PLEASE CHECK AGAINST DELIVERY

**UCAPAN PRESIDEN MUIS
HJ MOHD ALAMI MUSA
DI MAJLIS MAULIDUR RASUL (SAW)
15 FEB 2011
DI MASJID ALKAFF, KG MELAYU**

Beberapa negara termasuk negara maju telah dilanda krisis. Krisis ini termasuk krisis alam sekitar, krisis makanan, krisis ekonomi dan krisis politik.

2 Alhamdulillah, negara Singapura terpelihara. Kita amat bersyukur kepada Allah (swt). Negara kita selamat dari bencana, maju ekonominya, mantap keadaannya dan harmonis kehidupan sosial.

3 Umat Islam boleh berbangga. Mereka telah banyak menyumbang kepada keharmonian agama, kesepaduan nasional dan pembangunan negara.

4 Ini adalah kerana semangat umat Islam sebagai penyumbang amat kuat. Semangat ini wujud dan mekar di dalam sanubari masyarakat Muslim Singapura.

5 Sanubari masyarakat kita dibentuk oleh ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad (saw). Alhamdulillah, umat Islam Singapura mengikut jejak Rasulullah (saw) yang disifatkan Allah (swt) sebagai rahmat bagi

sekian alam. Masyarakat Islam kita telah membawa banyak rahmat kepada bangsa dan negara.

6 Sempena sambutan Maulidur Rasul, marilah kita menguatkan lagi semangat untuk menyumbang dan semangat sebagai pembawa rahmat bagi semua. Marilah kita melaksanakan amanah yang dipesankan oleh Rasulullah (saw) sesuai dengan tema Maulid kita untuk Mendalami Tradisi Islam, Memperkukuh Iman dan Menyebarkan Ihsan.

7 Kita boleh bergembira. Pada hari ini institusi-institusi sosio-agama kita seperti masjid dan madrasah lebih “mesra masyarakat”. Tujuan mereka adalah untuk menguatkan kesepaduan sosial dan menyumbang kepada golongan susah, tidak kira bangsa atau agama.

8 Pada hari ini terdapat 60 masjid dan 174 pemimpin-pemimpin masjid yang aktif di IRCC. Masjid kita juga tidak segan untuk bekerjasama dengan kumpulan agama yang lain. Misalnya, Masjid Al-Istighfar telah berganding bahu dengan Loyang Tua Pek Khong di dalam kegiatan “Harmony Walk”. Masjid Al-Mukminin menganjurkan “Nite Cycling” bersama Gereja 7th Day Adventist.

9 Masjid kita telah juga melibatkan diri dalam banyak kerja amal. Misalnya, Masjid An-Nur menyumbang khidmat kepada golongan yang tiada rumah, bersama “New Hope Community Service”.

10 Madrasah kita tidak ketinggalan. Madrasah Wak Tanjong telah menjadi hos bagi pelajar-pelajar dari Jepun manakala Madrasah Al-Maarif

aktif di peringkat nasional melalui penyertaan dalam program “Arena Debate”. Akhir sekali, Madrasah Aljunied telah menjayakan satu misi kemanusiaan ke negara Vietnam untuk membantu pelajar-pelajar miskin.

11 Banyak lagi contoh yang boleh saya beri. Tetapi cukuplah apa yang telah dinyatakan. Pendek-kata semangat untuk mengikat hubungan sosial yang kuat, menyumbang kepada keharmonian agama dan membawa kebaikan (rahmat) kepada semua sudah menjadi semacam sifat semula jadi di dalam perwatakan masyarakat kita dan pemimpin-pemimpin madrasah serta masjid kita selaras dengan identiti Islam Singapura yang kita hasratkan.

12 Semua yang kita lakukan untuk kesejahteraan masyarakat dan negara adalah bagi memenuhi tuntutan agama yang dibawa Rasulullah (saw). Sebanyak sedikit, umat Islam Singapura dapat menunjukkan bahawa mereka mampu menjadi contoh sebagai pembawa “rahmat bagi semua”, dan sekali gus menguatkan imej positif agama Islam di kaca mata golongan bukan Islam.

Sekian.